

Lelaki curi dompet orang lain kena enam bulan

MIRI: Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara enam bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam setelah disabitkan bersalah mencuri sebuah dompet milik seorang lelaki.

Tertuduh, Cenel Sabeh, 39, dari Desa Indah 2, Bandar Baru Permyjaya di sini, mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan dibawah Seksyen 380 Kanun Keseksan yang boleh membawa hukuman penjara

tidak melebihi 10 tahun dan denda, jika sabit ~~kesalahan~~.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh didapati telah melakukan kecurian dengan mencuri sebuah dompet milik Sim Sze Len, 43, yang mengandungi kad pengenalan, lesen memandu, dua kad bank dan wang tunai RM500.

Tertuduh melakukan kesalahan itu pada jam 5.50 petang, 18 Ogos lalu di sebuah cawangan

bank di Jalan Pelita di sini.

Di hadapan mahkamah, tertuduh merayu hukuman ringan dengan alasan ini adalah kesalahan pertamanya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry di hadapan Majistret Ashok Linggam, manakala tertuduh diwakili peguam bela Nurajemah Umar dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan.